

...wan Rakyat
agenda
utama sidang

'Kuasa wajar diberikan kepada Majlis Raja-Raja'

Pastikan doktrin pemisahan kuasa antara eksekutif, kehakiman cerminkan tadbir urus lebih baik

Petaling Jaya: Pemilihan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang di agenda utama apabila Dewan Rakyat bersidang selama dua hari bermula 19 Disember ini. Ketika ini, Tan Sri Azhar Haniffa menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Berdasarkan surat perutusan yang dihantar kepada Ahli Parlimen malam, aturan urusan mesyuarat pertama adalah pemilihan Yang Dipertua Dewan Rakyat. Dikuti sesi angkat sumbangan Ahli Parlimen yang menang dan pemilihan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Urutan juga dijangka mesyuarat undi percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi mengesahkan beliau mempunyai autoriti Ahli Dewan

...ga bekas Pengerusi Pilihan Raya sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat Ke-10. Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad Julai 2020. Beliau berketetapan berkhidmat sebagai Ahli Dewan

Kuala Lumpur: Majlis Raja-Raja seharusnya diberi peranan dalam pelantikan ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) bagi memastikan doktrin pemisahan kuasa antara eksekutif dan kehakiman dapat mencerminkan tadbir urus lebih baik.

Pakar Perlembagaan, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, berkata pembabitan Majlis Raja-Raja dalam menamakan keahlian JAC adalah selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah Persekutuan. Beliau berkata, pada asalnya kuasa tertinggi kehakiman terletak pada raja Melayu di setiap negeri sebelum raja berkeinginan menubuhkan Mahkamah Agung pada peringkat Persekutuan dengan

"Tidak semestinya tiga tempat dalam JAC perlu diagihkan secara khusus setiap satu kepada wakil Majlis Peguam, Persatuan Peguambela Sarawak dan Persatuan Undang-Undang Sabah."

"Ada baiknya kuasa melantik itu diberikan kepada Majlis Raja-Raja dengan mengambil kira adanya wakil daripada pengamal undang-undang selepas tiga badan berkenaan serta calon-calon dikemukakan oleh Jawatan Kuasa Pilihan Khas Parlimen, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Majlis Raja-Raja sendiri," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Pengerusi Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-260, Tuan Muzaffar bin Tuan Muhammad Muzaffar, mencadangkan pelantikan lima orang daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan Perdana Menteri.

Sebaliknya, titah baginda, pelantikan itu diberi kepada beberapa institusi kepada Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguambela Sarawak dan Jawatankuasa Pemilih Parlimen.

Mengulas lanjut, Wan Ahmad Fauzi berkata, titah

"Ini kerana peranan JAC tidak boleh bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan dalam pelantikan hakim dan hakim perundangan yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan MRR. Begitu juga pelantikan pesuruhjaya kehakiman yang dibuat Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara," katanya.

Perlu kajian mendalam

Sementara itu, pengamal undang-undang, Datuk Khairul Anwar Rahmat, berkata titah saranan terbabit memerlukan kajian mendalam dan wajar ditimbang dengan pihak berkepentingan.

Katanya, titah itu dengan jelas untuk mengurangkan penguasaan kuasa Perdana Menteri dan perkara itu perlu diperhalusi pengamal undang-undang secara keseluruhan.

"Penambahbaikan boleh dibuat terhadap proses pelantikan ini, iaitu dengan meminda akta di Parlimen dan memasukkan beberapa pengukuhan proses pelantikan supaya proses

Tidak semestinya tiga tempat dalam JAC perlu diagihkan secara khusus setiap satu kepada wakil Majlis Peguam, Persatuan Peguambela Sarawak dan Persatuan Undang-Undang Sabah

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Pakar Perlembagaan



Mesti ada panduan dan termaktub dalam undang-undang bahawa Perdana Menteri perlu berunding



Shahidan (dua) dan di pasar malam S

'Ge
pe
be